

Soalan No:79

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD****TARIKH : 27.7.2017****SOALAN :**

**Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah bilangan pemancar telefon yang ditempatkan di dalam kawasan sekolah di seluruh negara, dan berapakah kadar sewa tapak yang dibayar setiap satu kepada pihak sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman ahli yang berhormat, struktur menara telekomunikasi yang terdapat di sekolah seluruh negara adalah untuk perkhidmatan 1BestariNet sahaja.

Kadar sewaan bulanan bagi perletakan struktur 1BRIS adalah daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan pengurangan kadar sewaan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) selaras dengan Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) Bil. 1/2013.

Kadar yang dikenakan adalah RM10.00 sebulan bagi setiap tapak. Penentuan kadar harga ini adalah berdasarkan kepada kegunaan menara tersebut yang hanya bertujuan untuk pendidikan sahaja iaitu membekalkan capaian internet ke sekolah.